

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/2009

ARAHAN MENGHANTAR BIL CUKAI TANAH KEPADA SEMUA PEMILIK TANAH

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pungutan hasil, Pentadbir-Pentadbir Tanah di minta memberikan perhatian dan mengambil tindakan serta merta untuk melaksanakan **Kaedah Pungutan Bayaran Bulanan Royalti Bahan Batuan Bagi Pengeluaran Permit Pemindahan Di Bawah Seksyen 69 Dan 71 Kanun Tanah Negara Ke Atas Pengusaha-Pengusaha Pasir Negeri Kelantan**. Kaedah ini adalah satu langkah untuk mengawal kerugian kerajaan akibat pemindahan pasir secara haram.

2. Mengikut kaedah ini Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah membuat anggaran minimum jumlah royalti bulanan yang harus dikenakan secara sama rata bagi kesemua pengusaha pasir di jajahan masing-masing. Pengusaha-pengusaha dikehendaki menjelaskan bayaran tersebut secara tetap pada setiap awal bulan. Bayaran tambahan hendaklah dibuat sekiranya pemindahan melebihi bayaran minimum yang dijelaskan.

3. Permit boleh dikeluarkan untuk tempoh satu bulan, atau apa-apa tempoh yang difikirkan sesuai. Sebagai langkah semakan serta pemantauan pengusaha pasir berkaitan dikehendaki melengkapkan

borang rekod jualan bulanan yang perlu dikemukakan untuk semakan Pentadbir Tanah. Contoh Borang Rekod Jualan adalah sebagaimana dilampirkan.

4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

T.T

**(HAJI KAMARUDDIN BIN AWANG)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

KEPADA;

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA;

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
6. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
7. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.3 (10)

BERTARIKH : 16 JANUARI 2008

LAMPIRAN

PEJABAT TANAH

REKOD JUALAN BULANAN

NAMA SYARIKAT :

Bil	Tarikh	Nama Pembeli	No. Resit	Kuantiti/Bilangan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				
13.				
14.				
15.				
16.				
17.				
18.				
19.				
20.				
21.				
22.				
23.				
24.				
25.				
26.				
27.				
28.				
29.				

30.				
-----	--	--	--	--